

Timbalan PM lawat Terengganu dua hari

KUALA LUMPUR, Khamis — Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba akan membuat lawatan rasmi dua hari ke Terengganu mulai 8 Februari ini untuk meninjau projek pembangunan dan menemui rakyat negeri itu.

Jurucakap pejabatnya di sini hari ini berkata, beliau juga akan berbincang dengan Menteri Besar, Tan Sri Haji Wan Mokhtar Ahmad dan diberi taklimat mengenai pembangunan negeri.

Selain itu, beliau akan menemui ketua jabatan kerajaan untuk menerangkan pelbagai isu semasa dan soal membabitkan pembangunan, termasuk pelaksanaan Buku Merah Dua.

Encik Ghafar juga dijangka melawat Ampangan Sultan Mahmud di Ulu Terengganu dan meninjau beberapa projek lain negeri itu.

Ia adalah lanjutan lawatan beliau ke semua negeri yang dimulakan tahun lalu.

Sebelum ini, Timbalan Perdana Menteri turut melawat beberapa negeri untuk meninjau projek pembangunan kerajaan dan menjelaskan pelbagai isu semasa kepada rakyat.